

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN CHOW KON YEOW [ TANJONG ]**

**TARIKH : 5 DISEMBER 2019 (ISNIN)**

**SOALAN NO. 27**

**TUAN CHOW KON YEOW [ TANJONG ]** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan sebab kelewatan pelaksanaan projek multi blok Hospital Seberang Jaya, Pulau Pinang. Perincian perkembangan projek berkaitan sehingga kini dan nyatakan juga projek-projek naik taraf hospital-hospital di negeri berkaitan sehingga tahun 2023. Nyatakan tempoh pelaksanaan berserta kosnya.

**JAWAPAN**

**Yang di-Pertua,**

Projek Pembinaan *Multi Storey Block* Hospital Seberang Jaya, Pulau Pinang mengalami kelewatan berikutan masalah perlantikan *Nominated Sub-Contractor* (NSC) yang mana ianya perlu ditender semula. Walau bagaimanapun, proses tender NSC telah selesai pada masa ini dan pihak Kontraktor Utama telah diberikan lanjutan masa dengan tarikh penyiapan baru projek adalah pada 13 Mei 2022. Berdasarkan kepada status semasa pelaksanaan projek, kemajuan kerja kontraktor sehingga 24 September 2019 adalah 32.9 peratus sebenar berbanding jadual 33.14 peratus. Pada masa ini, 17 NSC yang dilantik baru sahaja memulakan kerja di tapak bina antara bulan Februari 2019 dan bulan April 2019. Pihak Kontraktor sedang giat untuk menyiapkan kerja-kerja struktur utama bangunan berkenaan. Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dan Jabatan Kerja Raya (JKR) sedang memantau rapi

pelaksanaan projek ini agar ianya dapat disiapkan mengikut tempoh kontrak yang ditetapkan.

Untuk makluman YB Tanjong, selain projek *Multi Storey Block* Hospital Seberang Jaya, Pulau Pinang, terdapat tujuh (7) projek naik taraf Hospital yang telah diluluskan oleh pihak Kerajaan di Pulau Pinang iaitu seperti berikut:

1. **Projek Naiktaraf Hospital Pulau Pinang (Fasa 2)** (Telah siap pada 21 Mei 2019, Kos RM22.09 Juta).;
2. **Projek Naiktaraf Hospital Seberang Jaya, Seberang Perai Tengah,** (Telah siap pada 1 April 2019, Kos RM22.09 Juta);
3. **Projek Naiktaraf Jabatan Kecemasan dan Pesakit Luar Hospital Balik Pulau,** (Jangka siap pada 28 Mei 2020, Kos RM28.975 Juta);
4. **Pembinaan Modular Operating Theatre Untuk Hospital Balik Pulau,** (Jangka siap pada 17 Februari 2020, Kos RM7.07 juta);
5. **Projek Membina Blok Baharu Pusat Perkhidmatan Stem Sel, Hospital Pulau Pinang** (Telah ditender dan jangka Surat Setuju Terima pada Disember 2019, Tempoh pembinaan selama 2 Tahun (2020-2022), Kos RM19.15 Juta);
6. **Projek Blok Wanita Dan Kanak-Kanak Hospital Pulau Pinang** (Telah ditender dan jangka Surat Setuju Terima pada Februari 2020, Tempoh Pembinaan selama 3 tahun (2020-2023), Kos RM296.978 juta); dan
7. **Projek Blok Klinik Pakar Dan Wad Hospital Pulau Pinang** (Jangka tender pada Disember 2020, Tempoh pembinaan selama 4 Tahun (2021-2025), Kos RM500 Juta).

Sekian, terima kasih.